

PENDIDIKAN MORAL TINGKATAN 3

Nama: _____

Kelas: _____

Tuliskan jawapan dalam petak yang disediakan

1) *"Kita digalakkan berusaha sendiri tanpa bergantung kepada orang lain. "*

Pernyataan di atas merujuk kepada nilai

A. amanah.

C. hemah tinggi.

B. berdikari.

D. bertanggungjawab.

2) *Selain harga diri, setiap belia perlu mempunyai _____ untuk menghadapi kehidupan yang mencabar.*

A. wang yang banyak

C. keyakinan yang tinggi

B. kenalan yang ramai

D. badan yang sihat

3) *Garis panduan tentang bentuk perkhidmatan kepada pelanggan dalam sesebuah organisasi dikenal sebagai _____.*

A. peraturan pejabat.

C. piagam pelanggan.

B. akujanji perkhidmatan.

D. buku panduan pejabat.

4) *Konflik antara dua pihak boleh diselesaikan secara _____.*

A. toleransi.

C. perbalahan.

B. bersederhana.

D. berdiam diri.

5) *Individu yang mengamalkan hubungan seks bebas secara rambang berisiko tinggi Menghadapi _____.*

A. HIV.

C. kanser paru-paru.

B. demam rubella.

D. barah otak.

6) *Bagaimanakah cara anda menunjukkan penghargaan terhadap ibubapa anda?*

- A. Mengupah pembantu menjaganya.*
- B. Melawan cakap ibubapa.*
- C. Menegur mereka apabila mereka membuat kesilapan.*
- D. Menyambut hari-hari istimewa bersama mereka.*

7) Antara berikut, yang manakah menunjukkan masyarakat menghormati hak golongan kurang berupaya?

- A. Membiarkan orang cacat berdiri di dalam komuter.*
- B. Memerhati orang buta melintas jalan.*
- C. Mengambil golongan kurang berupaya bekerja.*
- D. Meletakkan kereta di tempat letak kereta orang kurang berupaya.*

8) Harga diri sangat penting bagi seseorang. Oleh itu kita patut menjaganya supaya_____.

- A. dapat menonjolkan diri kepada orang lain.*
- B. mendapat duit yang banyak.*
- C. hidup kita sentiasa bahagia.*
- D. orang akan berkawan dengan kita.*

9) Penggunaan kad kredit tanpa kawalan akan menyebabkan seseorang itu terjebak Dengan _____.

- | | |
|--------------------------------|---------------------------------|
| <i>A. penagihan dadah.</i> | <i>C. beban hutang.</i> |
| <i>B. aktiviti vandalisme.</i> | <i>D. aktiviti lumba haram.</i> |

10) Apakah tanggungjawab seseorang anak terhadap ibubapa?

- A. Menjelaskan hutang ibubapa.*
- B. Melahirkan anak yang sihat.*
- C. Menjaga nama baik dan maruah keluarga.*
- D. Berkerja untuk menambah sumber ekonomi.*

11) Apakah bentuk pengiktirafan kerajaan kepada pekerja terhadap sumbangan mereka dalam pembangunan negara?

- A. Cuti umum Hari Pekerja.*
- B. Pemberian gaji.*

- C. Melancong secara percuma.*
- D. Pemberian hadiah.*

12) “Puan Aminah memasukkkan anaknya ke kelas seni selepas melihat anaknya gemar melukis. ”

Berdasarkan pernyataan di atas, apakah peranan Puan Aminah terhadap anaknya?

- A. Mengasuh.*
- B. Mendidik.*

- C. Membina personaliti.*
- D. Menegur dan menasihati.*

13) Apakah erti kasih sayang yang utama yang harus dicurahkan oleh ibubapa terhadap anak-anak?

- A. Merawat mereka jika sakit.*
- B. Belaian dan perhatian untuk perkembangan emosi.*
- C. Mengawal pergerakan anak-anak.*
- D. Menegur perbuatan mereka yang salah.*

14) Nyatakan kepentingan sungai kepada manusia.

- A. Sebagai tempat mandi jika bekalan air terputus.*
- B. Sumber bekalan air bersih untuk kegunaan seharian.*
- C. Dijadikan kawasan rekreasi pada waktu lapang.*
- D. Satu khazanah alam yang tidak ternilai.*

15) Menangani isu-isu alam sekitar adalah menjadi tanggungjawab

-
- A. individu.*
 - B. kerajaan.*

- C. media massa.*
- D. semua pihak di atas.*